

PM arah kadar vaksinasi 6 negeri dipertingkatkan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan, supaya kadar vaksinasi terhadap populasi dewasa membabitkan enam negeri yang masih rendah ketika ini, ditingkatkan sehingga melebihi 50 peratus menjelang hujung September ini.

Perdana Menteri berkata, negeri berkenaan iaitu Terengganu, Perak, Johor, Kelantan, Kedah dan Sabah, setakat ini masih mencatatkan kadar pemberian vaksin di bawah 50 peratus.

“Saya sudah berbincang dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM) dan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) supaya tumpuan diberikan kepada enam negeri ini.

“Saya mahu menjelang hujung September ini, enam negeri ini mesti melebihi 50 peratus kadar vaksinasinya. Kalau awal (dica-

pai) lagi bagus,” katanya kepada media selepas menyaksikan pemberian dos ke sejuta vaksin AstraZeneca oleh Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), semalam.

Ismail Sabri berkata, setakat ini Terengganu merekodkan sebanyak 46.2 peratus pemberian vaksin, Perak (46.5 peratus), Johor (44.9 peratus), Kelantan (43.2 peratus), Kedah (43 peratus) dan Sabah sebanyak 37.1 peratus.

Tegasnya, kerajaan tidak akan menunggu jika ada vaksin yang ditempah berdepan masalah seperti penghantaran dan sebagainya.

Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan akan beralih kepada bekalan vaksin sedia ada di negara ini iaitu daripada Pharmaniaga yang membotolkan vaksin jenis Sino-vac.

“Saya tidak mahu ada kelewatan hanya untuk menunggu vaksin yang dijanjikan, dibekal kepada kita, akhirnya lewat dan rakyat jadi mangsa. Kita tiada apa-apa ‘obligation’ untuk menunggu mereka kerana rakyat tak boleh tunggu.

“Lupakan tentang mereka yang lambat bekalkan dan kita akan menggunakan apa yang dah ada dalam negara,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan ada menempah kira-kira 500,000 dos vaksin dari sebuah syarikat, namun difahamkan bekalmunya akan sampai lewat.

“Ada satu lagi syarikat yang kita tempah, namun vaksin mereka belum mendapat kelulusan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) membabitkan kira-kira 6.5 juta dos.

“Saya kata kita lupakan. Jadi kita ambil vaksin daripada Pharmaniaga supaya boleh selesaikan

BH - 30/8/2021 m/s: 2
vaksinasi ini tanpa gangguan daripada syarikat yang sepatutnya membekalkan vaksin kepada kita,” katanya.

Sementara itu, penjawat awam, Zamratulazmi Sarmadi, 38, yang menjadi penerima dos vaksin AstraZeneca ke sejuta semalam, menganggap dirinya bertuah kerana suntikan itu disaksikan sendiri oleh Perdana Menteri.

Jurugambar di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, hanya mengetahui menjadi penerima dos ke sejuta ketika hadir ke kaunter vaksin di WTCKL, namun langsung tidak mengetahui mengenai kehadiran Ismail Sabri.

“Saya menerima panggilan telefon tadi (semalam) dan diminta untuk hadir awal ke WTCKL. Saya tidak diberitahu pun mengenai dos ke sejuta. Hanya bila sampai di kaunter dua tadi, saya diberitahu menjadi penerima ke sejuta dan

selepas itu dimaklumkan Perdana Menteri akan hadir melihat suntikan dilakukan.

“Saya memang sangat terkejut dan sedikit gembira kerana pengalaman lain daripada yang lain,” katanya sambil menasihati mereka yang belum mendaftar atau enggan mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 agar berbuat demikian, sebagai usaha menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.

“Mendapatkan suntikan ini adalah usaha kita sebagai seorang rakyat untuk membantu kerajaan mengekang jangkitan COVID-19. Lebihnya kita reda dan bertawakal kepada Allah sahaja,” katanya yang menerima suntikan vaksin itu daripada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) KKM, Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim